

# Za'ba 100 Tahun

**Pendeta ini bercita-cita untuk menerbitkan Kamus Bahasa Melayu, tetapi digagalkan oleh O.T. Dussek, Pengetua Maktab Sultan Idris, Tanjung Malim**

**Z**AINAL Abidin bin Ahmad mungkin nama yang sukar untuk kita mengaitkan sesuatu yang rapat dengan dirinya, jika dibandingkan dengan nama Za'ba. Nama Za'ba dengan pantas mencuit ingatan kita kepada bahasa Melayu. Demikian sinonimnya Za'ba dengan bahasa Melayu.

Hayat hidup anak yang dilahirkan pada 16 September 1895 ini banyak dihabiskan dalam hal-hal kebahasaan. Pendidikan dan kerjaya yang diceburinya menjadi lambang kecintaannya terhadap bahasa Melayu.

Pendidikan awalnya bermula di Sekolah Melayu Linggi pada tahun 1907. Pada tahun 1915, dia lulus peperiksaan Senior Cambridge di St. Paul's Institution, Seremban. Pada tahun 1953, dia memilik ijazah sarjana Muda Sastera dalam bidang bahasa Melayu dan bahasa Arab dari Universiti London.

Kerjaya Za'ba sebagai guru bahasa Melayu bermula di English College, Johor Bahru. Kemudian menjadi guru bahasa Melayu dan penterjemah di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Selepas itu, Za'ba menjadi penterjemah di Pejabat Pelajaran Negeri-negeri Selat dan Persekutuan Tanah Melayu di Kuala Lumpur dan penterjemah di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Za'ba juga menjadi pensyarah bahasa Melayu di School of Oriental and African Studies, di London. Penterjemah Kanan bahasa Melayu di Pejabat Pelajaran, Kuala Lumpur. Pensyarah Kanan di Universiti Malaya dan merangkap Ketua Jabatan Pengajian Melayu di Singapura.

Pendidikan yang diterima dan pengalaman kerja yang ditimba, menjadikan Za'ba seorang yang pakar dalam selok-belok bahasa Melayu. Kerana kepa-

karannya, maka Za'ba dapat menggariskan peraturan-peraturan nahu bahasa Melayu dan meletakkan asas yang kukuh dalam tatabahasa Melayu. Karyanya yang penting dan cukup terkenal ialah *Pelita Bahasa Melayu I*, *Pelita Bahasa Melayu II* dan *Ilmu Mengarang Melayu*. Karya-karyanya ini menjadi rujukan utama untuk seluruh masyarakat yang ingin mengetahui bahasa dan tatabahasa Melayu.

Jasa dan pengorbanan intelektual Melayu ini dihormati dan disanjung tinggi. Justeru itu pada Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu di Johor Bahru pada tahun 1956, Za'ba dianugerahkan gelaran Pendeta. Pendeta Za'ba kemudiannya dianugerahkan gelaran Doktor Persuratan oleh Universiti Malaya pada tahun 1959, Empat belas tahun kemudian Universiti Kebangsaan Malaysia menganugerahkan gelaran yang sama kepada Za'ba (Jun 1973). Sebelum itu, pada tahun 1962, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menganugerahkan bintang Panglima Mangku Negara kepada Za'ba yang membawa gelar Datuk dan kemudiannya Tan Sri.

Pendeta yang cita-citanya ingin menerbitkan "Kamus Bahasa Melayu", tetapi digagalkan oleh O.T. Dussek, Pengetua di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, banyak menghasilkan buku dan rencana yang tidak kurang pentingnya untuk dikaji dan diteliti.

Pada pukul dua petang, hari Selasa, 23 Oktober 1973, dalam usia 73 tahun, Za'ba, sebuah pelita yang menerangi kemiskinan pendidikan Melayu, kembali ke rahmatullah dalam perjalanan pulang dari Hospital Assunta ke rumahnya di Petaling Jaya. Dunia bahasa Melayu kehilangannya. Namun nama Za'ba dan karya-karyanya hidup segar. Pemikirannya dikaji. Karya-karyanya diteliti.



Za'ba